

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN BARU BIAN (SELANGAU)

TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN BARU BIAN [SELANGAU] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kerajaan akan meneruskan projek Trans - Borneo Highway di sebelah negara kita walaupun perpindahan ibu negara Indonesia telah ditunda. Jika ada, apa status terkini perancangan Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Lebu Raya Trans Borneo merupakan projek rangkaian jalan raya yang menghubungkan negeri Sabah dan negeri Sarawak dengan negara Brunei Darussalam dan Kalimantan di Indonesia. Kerajaan komited untuk meneruskan projek Lebu Raya Trans – Borneo di mana jajaran bagi Lebu Raya Trans Borneo ini terdiri daripada Lebu Raya Pan Borneo, *Sarawak-Sabah Link Road* (SSLR) dan beberapa jajaran di Lebu Raya Trans Borneo yang masih belum dilaksanakan (missing links).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Projek Lebu Raya Trans Borneo Jajaran Kalabakan–Serudong telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan di bawah Inisiatif Belanjawan 2020. Kerajaan Persekutuan semasa pengumuman Belanjawan 2020 telah meluluskan sebanyak RM600 juta bagi projek pembinaan jalan baharu dari Kalabakan ke Serudong dan menghubungkan Simanggaris di Kalimantan Utara, Indonesia termasuk pembinaan Kompleks Kastam, Imigresen, Kuarantin dan Keselamatan (CIQS). Selaras dengan pengumuman tersebut, Kerajaan telah bersetuju untuk mejalankan kajian awalan bagi projek ini.

Walau bagaimanapun, projek ini telah ditangguhkan pelaksanaannya berikutan daripada perubahan dasar kerajaan semasa dan semakan semula keutamaan projek-projek pembangunan jalan di Sabah dan Sarawak berdasarkan peruntukan kewangan yang terhad.

Namun demikian, Kerajaan pada masa ini sedang meneliti semula cadangan projek ini melalui inisiatif Brunei-Indonesia-Malaysia-Philippines East ASEAN Growth Area (BIMP-EAGA). Kementerian ini juga akan meneliti semula cadangan projek ini sekiranya dimohon dalam Rolling Plan RMKe-12 yang akan datang dan akan dipertimbangkan untuk diangkat kepada Agensi Pusat jika memenuhi keperluan teknikal untuk

dibina. Sekian, terima kasih.